

Wawasan 2020 perlu lebih banyak ilmuan

um 11 APR 2004

Oleh IZWAR ABDUL WAHID

MUKAH 10 April – Malaysia masih memerlukan banyak ilmuan bagi mencapai Wawasan 2020 dan bersaing dengan negara maju lain sekali gus menjadi bangsa yang bermaruah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hanya dengan ilmu yang dimiliki oleh rakyat, negara ini dapat mencapai tahap tertinggi dalam pembangunan negara sebagaimana yang disasarkan melalui Wawasan 2020.

“Ilmu pengetahuan bagaikan tangga, dengan adanya ilmu kita boleh sampai ke tempat tertinggi dalam kehidupan.

“Memang sekarang sudah ramai anak petani, peladang dan buruh mencapai tahap lebih tinggi daripada ibu bapa mereka dengan peluang pendidikan yang disediakan oleh kerajaan tetapi kita perlu tingkatkan lagi untuk muncul sebagai yang terbaik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pelancaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Program Permu-

laan ICT Cambridge, Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Awang Udin di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menambah, kaedah pembelajaran teknologi tinggi yang ada kini termasuk Internet, perlu digunakan sebaiknya bagi mendapat pendidikan terbaik.

Namun katanya, saranan kerajaan sebelum ini yang mahukan pelajar menguasai bahasa Inggeris juga tidak boleh dilupakan kerana ia sememangnya bahasa ilmu.

Kemudahan

Jelasnya, sekiranya usaha melahirkan masyarakat berilmu tinggi ini berjaya, Malaysia akan lebih cepat mencapai taraf negara maju dan menebus semua maruah negara.

“Kita sudah berjaya menebus sedikit maruah negara yang tercemar tetapi dengan ilmu kita boleh menebus semua,” ujarnya.

Program Pemulaan ICT Cambridge yang diperkenalkan di SK Datuk Awang Udin merupakan yang kedua diperkenalkan di

Mukah selepas SK Dato Pengiran Mohamad dan dua lagi sekolah lain akan mengikuti program yang sama.

Melalui program tersebut, para pelajar akan mengikuti tiga peringkat pembelajaran ICT mengikut peringkat persekolahan.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud ketika berucap pada majlis yang sama meminta semua 20 guru dan 338 pelajar SK Datuk Awang Udin menggunakan kemudahan ICT yang disediakan di sekolah tersebut.

Katanya, ia perlu digunakan sebaiknya sebagai menyahut usaha kerajaan dalam merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

“Kerajaan sudah membuat perbelanjaan besar untuk menyediakan kemudahan Internet termasuk penggunaan talian gentian optik, talian berkelajuan tinggi tanpa wayar serta komunikasi satelit,” jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, Puan Sri Dr. Laila Taib, Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Judo dan Pengarah Pendidikan Sarawak, Adi Badiozaman.